

Turki termasuk Amerika Syarikat dan Pulau Cyprus.

Wakil-wakil seminar yang datang itu semuanya sempat menunaikan fardu haji dan menziarahi makam Junjungan Besar Nabi Muhammad (S.A.W.) di Madinah al-Munawwarah.

* * *

Baru-baru ini Radio Aden telah menyiarkan suatu berita yang menyatakan adanya berlaku salah faham di antara *President* Abdullah al-Sallal dengan timbalannya al-Said Jazailan di ibu kota Yaman Sanaa, dalam masa beberapa minggu yang lalu al-Said Jazailan berada di Kaherah untuk meminta izin daripada pihak yang berkuasa Republik Arab Bersatu supaya membenarkan beliau menziarahi Moscow. Tetapi pihak yang berkuasa Republik Arab Bersatu enggan membenarkan al-Said Jazailan menziarahi Moscow sebab-sebab keengganan itu tidak diterangkan.

* * *

Satu kongres Dewan-dewan Perniagaan Arab telah diadakan di Baghdad ibu negara Iraq pada bulan April yang lalu. Tujuan kongres itu diadakan ialah untuk memperkukuhkan perhubungan ekonomi serta memperbincangkan cara-cara memperluaskan lapangan bertukar-tukar barang-barang perniagaan di antara negara-negara Arab seluruhnya.

* * *

Radio Sanaa dari ibu negara Republik Yaman yang di bawah pengaruh tentera-tentera Mesir yang berada di Yaman telah mengeluarkan suatu seruan meminta supaya penduduk Yaman yang berada di dalam kawasan perkampungan al-Baidha'

hendaklah bertenang patuh kepada segala perintah yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan Republikan. Radio tersebut tidak menyatakan mengapa seruan yang sedemikian rupa disiarkan.

Tetapi radio dari Arab Selatan ada menyatakan berita bahawa Kapten Husni – salah seorang pembesar tentera Mesir di Yaman – di beberapa hari yang lalu telah menyeksa dua orang daripada penduduk perkampungan al-Baidha' dengan mencurahkan minyak petrol ke atas kedua-duanya kemudian membakar kedua-duanya hidup-hidup.

* * *


Presiden Turki Jeneral Cevdet Sunay telah tiba di Washington kerana merundingkan perkara-perkara pengkawalan Perang Amerika di Turki dan perkara-perkara yang mengenai Cyprus. Mengenai Cyprus beliau berkata di New York:

“Tuan-tuan tahu beberapa banyak usaha-usaha kita diberi untuk menyelesaikan dengan damai masalah Cyprus untuk mengawal maslahat-maslahat kedua-dua pihak yang berkenaan. Kita sentiasa berbuat demikian tetapi sementara itu kita tidak membenarkan atau menyetujui sesuatu percubaan atas desakan-desakan dan kekerasan kepada kesudahannya.”

* * *

Kapal terbang Saudi telah memulakan penerbangannya seminggu sekali di antara Jeddah dengan Rabat (Morocco). Kapal terbang *Boeing Jet 720* digunakan dan akan singgah, di Beirut, Tripoli dan Tunis.

Tahukah tuan . . . ?



Pakar-pakar ilmu haiwan mengatakan bahawa kuasa penglihatan yang ada pada anjing berlainan dengan kuasa penglihatan yang ada pada manusia. Anjing tidak dapat memperbezakan di antara warna-warna selain daripada warna hitam dan putih sahaja. Tetapi keistimewaan mata anjing ialah sangat cepat mengesan barang sesuatu yang dilihatnya. Penglihatannya sangat cepat menangkap gerak-geri yang berlaku di hadapan matanya. Oleh itu anjing-anjing yang berlatih mengira ilmu hisab yang biasa kita saksikan di dalam permainan sarkas, kecekapannya mengira itu bukannya dengan perantaraan otaknya, tetapi dengan perantaraan cekapnya ia memerhatikan isyarat tangan yang dimainkan oleh pelatuhnya itu.

Kata-kata Hikmah

Jangan engkau jadi lebih malas dari ayam jantan yang berkokok di waktu sahur, padahal engkau masih tidur di atas tempat tidurmu.

* * *

Jadikanlah amalan bakti kepada Allah itu suatu perniagaan, nescaya akan datang keuntungan kepadamu dengan tidak ada barang dagangan.